

## **UTHM terima 2,276 pelajar baru**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima kemasukan 2,276 pelajar baru bagi Semester 1 2014/2015, semalam, termasuk dari luar negara iaitu Yaman, Somalia, Palestin dan Bangladesh.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM Shafry Salim berkata, 1,010 pelajar lelaki dan 1,266 pelajar perempuan yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda di lapan fakulti.

Katanya, pelajar mendaftar di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan.

“Selain itu, Fakulti Pendidikan Teknikal, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan,” katanya.